

Elak risiko kesan sampingan individu tidak sesuai terima vaksin

Saring sejarah kesihatan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Saringan sejarah kesihatan akan dibuat terlebih dahulu sebelum melayakkan seseorang individu menerima suntikan vaksin Covid-19.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah itu perlu bagi memastikan individu yang tidak sesuai tidak diberikan suntikan vaksin untuk mengelak risiko kesan sampingan.

“Selepas seorang itu diberikan suntikan vaksin, kita akan membuat pemantauan terutamanya selepas sahaja disuntik untuk tempoh 15 hingga 30 minit di pusat pemberian vaksin sebelum dibenarkan pulang.

“Ini bagi memastikan tiada reaksi alahan yang agak serius sejurus menerima suntikan. Jika tiada, maka mereka dibenarkan pulang,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Muhyiddin berkata, seperti vaksin lain, vaksin Covid-19 juga mempunyai kesan sampingan yang agak ringan kepada pesakit seperti bengkak di tempat suntikan dan sebagainya yang akan pulih dengan sendiri.

Katanya, kerajaan sentiasa memantau perkembangan di



MUHYIDDIN Yassin melancarkan buku panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Putrajaya, semalam. Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin. - GAMBAR IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

negara-negara yang lebih awal menjalankan vaksinasi dan kesan sampingan daripadanya.

“Seperti di Indonesia, saya berjumpa Presidennya, Joko Widodo yang sudah menerima vaksin dan beliau nampak sihat,” katanya.

Muhyiddin berkata, bekalan vaksin Pfizer-BioNTech akan sampai di Malaysia pada Ahad ini, membolehkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dilaksanakan mulai 26 Februari ini.

Katanya, beliau sendiri akan menerima suntikan vaksin pada hari tersebut bersama-

sama petugas barisan hadapan.

“Program imunisasi menyeluruh ini adalah untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk dalam komuniti agar dapat memutuskan rantai penularan jangkitan Covid-19 dan akhirnya dapat menamatkan pandemik,” katanya.

Katanya, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mengandungi tiga fasa iaitu fasa pertama akan melibatkan petugas barisan hadapan, bermula 26 Februari sehingga April ini.

Menurutnya, fasa kedua bermula April sehingga Ogos ini

melibatkan kumpulan berisiko tinggi, manakala fasa ketiga melibatkan golongan berumur 18 tahun ke atas, bermula Mei 2021 sehingga Februari 2022.

“Apabila semua orang dilindungi dan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan ini berjaya dilaksanakan, impak positif akan mula kita rasai.

“Pelbagai sektor ekonomi akan dibuka semula, seperti pelancongan. Kita boleh saling menziarahi, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengamalkan norma baharu,” katanya.